



PROGRAM PEMANTAPAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2017
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL 1

PERDAGANGAN

Kertas 1
(3755/1)

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Modul ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang keperluan manusia?

- A Diingini untuk hidup dengan lebih selesa
- B Berbeza mengikut pendapatan
- C Perlu untuk terus hidup
- D Tidak terhad

2 Situasi manakah yang menerangkan pengeluaran langsung?

- A Puan Ramlah menjual nasi lemak di warungnya
- B Pak Ali menanam kangkung untuk keperluan keluarganya
- C Syarikat Sum Sum mengeluarkan telefon bimbit pelbagai fungsi
- D Pak Man seorang nelayan mengagihkan hasilnya melalui pemborong

3 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pengkhususan.

- Negeri Kelantan - perusahaan keropok
- Negeri Kedah - penanaman padi

Nyatakan jenis pengkhususan tersebut?

- A Pengkhususan mengikut proses
- B Pengkhususan mengikut profesion
- C Pengkhususan mengikut kawasan
- D Pengkhususan antarabangsa

4 Situasi berikut berkaitan dengan aktiviti bantuan perniagaan.

Encik Guan, seorang peruncit memesan bekalan buah nanas melalui telefon. Buah nanas dihantar oleh pembekal dengan menggunakan lori. Beliau membuat pembayaran dengan cek.

Apakah bantuan perniagaan yang terlibat ?

- A Promosi , Perbankan dan Komunikasi
- B Pengangkutan, Komunikasi dan Promosi
- C Komunikasi, Pengangkutan dan Perbankan
- D Perbankan, Pengangkutan dan Promosi

5 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan perniagaan dalam negeri?

- I Menggunakan sistem ukuran dan timbangan yang sama
- II Membuat pembayaran secara tunai atau cek
- III Melibatkan kegiatan runcit dan import
- IV Menggunakan kredit berdokumen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Apakah jenis saluran agihan yang diamalkan oleh peruncit besar-besaran?

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- B Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Pemborong → Pengguna
- D Pengeluar → Peruncit → Pengguna

7 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan runcit.

- Mempunyai banyak cawangan
- Mempunyai nama dan logo yang sama
- Di bawah kawalan dan pentadbiran ibu pejabat

Apakah jenis perniagaan tersebut?

- A Francais
- B Kedai sejaras
- C Pasar raya besar
- D Gedung aneka jabatan

8 Antara yang berikut, yang manakah tugas seorang pemborong berfungsi penuh?

- I Menjual beraneka jenis barang
- II Menanggung kos pergudangan
- III Menjual barang pada harga murah
- IV Memperagakan barang di premis perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Chan, seorang peniaga.

Pengeluar melantik Encik Chan menjual produk terus kepada pengguna

Siapakah Encik Chan?

- A Pemborong
 - B Peruncit
 - C Broker
 - D Ejen
- 10 Pernyataan yang manakah menunjukkan kelebihan jualan tunai kepada penjual?
- A. Melariskan jualan barangan bernilai tinggi
 - B Meningkatkan jumlah pelanggan
 - C Menanam tabiat berjimat cermat
 - D Menambahkan aliran tunai
- 11 Gambar 1 berkaitan dengan urusan niaga kredit.

	Tunai - RM4800
	Kredit
	Deposit - RM800
	Bayaran bulanan - RM 200 X 24 bulan

Gambar 1

Hitungkan jumlah faedah setahun?

- A RM200
- B RM300
- C RM400
- D RM600

- 12 Situasi manakah yang menyebabkan wujudnya perniagaan antarabangsa?
- A Kestabilan ekonomi di negara Jepun
 - B Kempen penggunaan barangan Malaysia
 - C Hubungan baik antara Malaysia dengan China
 - D Pelaksanaan dasar perlindungan dan sekatan oleh Malaysia
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan dokumen perniagaan.

Syarikat SMART yang terletak di Sungai Petani, Kedah ingin memesan barangan daripada Syarikat Lewis Berhad yang beroperasi di Amerika Syarikat.

- Apakah dokumen yang akan diterima oleh Syarikat Lewis Berhad?
- A Invois
 - B Inden
 - C Bil muatan
 - D Invois konsular
- 14 Gambar 2 berkaitan dengan sejenis industri.



Gambar 2

Pernyataan yang manakah menerangkan tentang ciri industri di atas?

- A Mempunyai ramai pekerja mahir
- B Mengupah pekerja sepenuh masa melebihi 150 orang
- C Menggunakan kaedah pengeluaran berteknologi tinggi
- D Memperoleh jualan tahunan tidak melebihi RM 25 juta

[Lihat halaman sebelah
SULIT

15 Pemilik Industri Kecil dan Sederhana (IKS) selalu menghadapi masalah modal kerana bank tidak meluluskan permohonan pinjamannya.

Apakah yang menyebabkan permohonan itu ditolak?

- A Tidak mempunyai lokasi yang strategik
- B Tidak memiliki tahap teknologi yang tinggi
- C Tidak mengemukakan cagaran yang kukuh
- D Tidak mengupah pekerja yang berkemahiran tinggi

16 Apakah aspek penting pengurusan sumber manusia dalam pengendalian perniagaan?

- A Menyimpan maklumat
- B Mematuhi undang-undang
- C Mengetahui sifat pelanggan
- D Menganalisis prestasi perniagaan


17 Maklumat berikut berkaitan dengan penswastaan.

Penswastaan melibatkan perubahan milikan kerajaan kepada bentuk syarikat awam berhad.

Mengapakah kerajaan mengambil tindakan tersebut?

- A Dapat mengurangkan persaingan
- B Dapat mengurangkan tanggungan kerajaan
- C Dapat meningkatkan kos ke atas kemudahan awam
- D Dapat menyediakan perkhidmatan pada harga yang murah

- 18 Rajah 1 berkaitan suatu aktiviti yang berupaya meningkatkan ekonomi.



Rajah 1

Aktiviti tersebut ialah

- A pelaburan
 - B perniagaan
 - C pengeluaran
 - D pembiayaan
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan yang dibuat oleh Cik Ameena.

Cik Ameena telah membeli sebuah rumah teres dua tingkat dengan harga RM 260 000 pada 5 Januari 2012. Rumah itu telah disewakan pada harga RM 1200 sebulan selama empat tahun. Pada 31 Januari 2017 Cik Ameena telah menjual rumahnya pada harga RM 460 000.

Berapakah jumlah pulangan atas pelaburan yang diterima oleh Cik Ameena?

- A RM 57 600
- B RM 200 000
- C RM 204 000
- D RM 257 600

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 20 Puan Anita memperoleh wang pampasan RM40000 daripada kerajaan kerana pengambilan tanah. Beliau bercadang untuk melaburkan wang tersebut dalam pelaburan berisiko rendah dan mudah ditunaikan.

Cadangkan jenis pelaburan yang sesuai untuk Puan Anita .

- A Saham
- B Hartanah
- C Komoditi
- D Unit Amanah

- 21 Berikut adalah perkhidmatan yang disediakan oleh sebuah bank.

Perkhidmatan
Akaun Simpanan GIRO
Menyediakan Skim Pinjaman SEDAR

Apakah jenis bank yang menawarkan perkhidmatan di atas?

- A Bank Persatuan
- B Bank Pertanian
- C Bank Simpanan Nasional
- D Bank Kerjasama Rakyat Malaysia

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Rizal.

Encik Rizal yang sentiasa sibuk dengan urusan perniagaan perlu membayar ansuran kereta dan premium insurans kesihatan setiap bulan.

Apakah perkhidmatan pembayaran yang paling sesuai digunakan?

- A Draf bank
- B Arahan tetap
- C Pindahan kredit
- D Pindahan telegraf

23 Rajah 2 menunjukkan sejenis cek.

BANK PUTRI BHD		
BANK INDAH BERHAD Alor Star, Kedah		
		Tarikh : 10.8.2017
Bayar	Razlan b Ramli	Atau Pembawa
Ringgit Malaysia	<u>Satu Ribu Lima Puluh Sahaja</u>	1050.00
<i>Defiya</i>		
“67830”	58”12345”	560734888”01

Rajah 2

Mengapakah pihak bank tidak menerima cek ini untuk didepositkan ke dalam akaun pada 1 Ogos 2017?

- A Cek Mati
 - B Cek bertanda
 - C Cek berpaling khas
 - D Cek bertarikh hadapan
- 24 Perkara manakah yang dipertimbangkan oleh Syarikat Jaminan Kredit Malaysia untuk menjamin sesuatu pinjaman?
- A Perujuk diperlukan semasa memohon
 - B Pemohon terlibat dalam industri berat
 - C Projek yang diusahakan berdaya maju
 - D Penguasaha terdiri daripada pelabur asing

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 25 Mengapakah risiko kejatuhan harga saham tidak boleh diinsuranskan?
- A Kekерapan kejadian risiko dapat ditentukan secara perangkaan
 - B Kadar premium yang dikenakan adalah sangat tinggi
 - C Kekерapan berlakunya risiko adalah sangat tinggi
 - D Kadar premium tidak dapat dianggarkan

- 26 Maklumat berikut merupakan jenis insurans.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Insurans motor• Insurans liabiliti am• Insurans liabiliti majikan |
|---|

Apakah jenis insurans tersebut?

- A Insurans kemalangan
 - B Insurans endowmen
 - C Insurans kebakaran
 - D Insurans marin
- 27 Apakah unsur yang diamalkan dalam prinsip takaful ?
- A Tabarruk
 - B Gharar
 - C Maisir
 - D Riba

- 28 Bagaimanakah pengangkutan yang cekap dapat menggalakkan pengaliran modal ke dalam negara ?
- I Mempelbagaikan pilihan pengguna
 - II Menarik kemasukan pelabur asing
 - III Memudahkan pergerakan pelancongan
 - IV Menyebarkan hasil ciptaan sains dan teknologi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 29 Apakah peranan sistem Pengangkutan Antarabangsa Routier (TIR) ?
- A Membawa barang melalui negara perantara tanpa pemeriksaan kastam
 - B Menjamin keselamatan dan mengurangkan kerosakan barang
 - C Melibatkan kos pengendalian kargo yang tinggi
 - D Mendapat pengecualian cukai eksport
- 30 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis perkhidmatan Pos Malaysia Berhad.

Koperasi Bersatu Berhad hendak menghantar surat panggilan mesyuarat kepada semua ahli di seluruh Malaysia. Pihak koperasi hendak menjimatkan masa untuk melekatkan setem.

Apakah jenis perkhidmatan tersebut?

- A Mesin Frangki
- B Mel berinsurans
- C Tiket serahan tingkap
- D Khidmat beg berkunci

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

- 31 Mengapakah perkhidmatan kurier semakin popular dalam dunia perniagaan pada masa kini?
- I Kos perkhidmatan adalah lebih murah
 - II Menyediakan perkhidmatan di dalam negara
 - III Selamat untuk penghantaran dokumen penting
 - IV Barang dipungut dan diserahkan dari pintu ke pintu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 Manakah ciri gudang yang sesuai digunakan untuk melakukan kerja-kerja akhir?
- A Lokasi yang sesuai
 - B Ruang gudang yang luas
 - C Sistem perekodan yang baik
 - D Peralatan gudang yang lengkap
- 33 Encik Jamil ialah seorang pengimport daging beku. Beliau berhasrat menanggungkan bayaran cukai importnya. Oleh itu daging beku perlu disimpan dalam gudang tertentu? Antara yang berikut gudang manakah yang diperlukan.
- I Gudang pemborong
 - II Gudang berbon
 - III Penyetoran sejuk
 - IV Gudang kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 34 Apakah kelebihan publisiti berbanding pengiklanan?
- A Maklumat terus boleh diperoleh daripada pelanggan
 - B Maklumat yang disampaikan lebih dipercayai
 - C Maklumat yang disampaikan boleh dikawal
 - D Maklumat tentang barang mudah diperoleh

- 35 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Kosmetik Chanteeq.

Syarikat Kosmetik Chanteeq telah mengiklankan produk kecantikan keluaran syarikatnya dalam sebuah majalah terkenal.

Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan oleh syarikat tersebut?

- I Nilai barang
 - II Keuntungan jualan
 - III Sasaran pengguna
 - IV Luas pasaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

36 Maklumat berikut merujuk kepada sebuah agensi kerajaan.

Agensi X
<ul style="list-style-type: none">• Mewujudkan budaya berkualiti dalam kalangan pengusaha tempatan• Mengadakan satu ukuran piawai sebagai pengukur kualiti• Menjalankan penyelidikan saintifik dalam industri berteknologi tinggi

Apakah agensi X?

- A SIRIM
- B PKEN
- C SMIDEC
- D MATRADE
- 37 Bagaimanakah pengilang baharu boleh mendapatkan taraf perintis daripada kerajaan?
- A Mengeluarkan barang yang dipromosikan oleh kerajaan
- B Membuat penyelidikan pasaran eksport
- C Menghasilkan pengeluaran makanan
- D Menyediakan kemudahan awam
- 38 Pernyataan manakah yang menunjukkan amalan membeli dengan bijak?
- A Memilih barang yang berharga murah
- B Menentukan sebab untuk membeli
- C Membeli mengikut gaya terkini
- D Membeli di gedung mewah

39 Antara yang berikut, manakah prinsip asas Etika Amalan Perniagaan?

- I Peniaga mengakui hak -hak pengguna
 - II Peniaga mengamalkan jualan atas talian
 - III Peruncit mempraktikkan promosi pengguna
 - IV Pengusaha mengamalkan perniagaan yang jujur
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 40 I Konsumerisme ialah usaha untuk melindungi kepentingan dan membela kebajikan pengguna terhadap penjual yang tidak bertanggungjawab
- II Pengguna yang bijak akan memberi keutamaan kepada barang sekunder berbanding barang primer

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT